



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 25 JULAI 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----------------|---|--|
| 1. | PADI TIDAK DAPAT DITUAI AKIBAT TANAH LEMBUT, DALAM NEGERI, UM -32 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 2. 3. | PENGGEMAR DAGING ARNAB SEMAKIN BERTAMBAH, NASIONAL, BH -23 DULU SEKADAR HOBI..., LOKAL, HM -11 | JABATAN PERKHIDMATAN MALAYSIA (DVS) |
| 4. 5. | MARDI BERJAYA HASILKAN LEBIH 53 VARIETI PADI, NASIONAL, BH -14 SHOW-TECH MARDI PAMER LEBIH 300 TEKNOLOGI, INOVASI PERTANIAN, NASIONAL, SH -20 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 6. 7. | AGRICULTURE CAN HELP FIGHT POVERTY, SAY KEDAH FARMERS, NATIONA, THE STAR -12 FARMERS EXPRESS BELIEF IN EFFORTS TO QUASH POVERTY, NEWS, THE SUN -3 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 8. 9. 10. | PELAJAR AUTISME TANAM CENDAWAN TIRAM KELABU, DALAM NEGERI, UM -33 MASAM MANIS ISU BELUNU, LOKAL, HM -13 PAGES OF INSPIRATION, PEOPLE, THE STAR -9 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

25/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Padi tidak dapat dituai akibat tanah lembut

PARIT BUNTAR: Pesawah di Kuala Kurau di sini terpaksa menanggung kerugian besar apabila padi yang sudah masak tidak dapat dituai oleh jentuai disebabkan tanah sawah yang lembut.

Tanah yang lembut itu mengakibatkan ada jentuai yang terbenam dalam petak sawah ketika melakukan penuaian sehingga mengundang masalah yang lain pula.

Situasi itu juga menyebabkan pesawah yang menghadapi masalah itu terpaksa menggunakan kaedah tradisional bagi menuai padi mereka sebelum mereput dan terpaksa menanggung kerugian lebih besar.

Sementara itu, Jabatan Pertanian mengesahkan berlaku masalah tanah lembut di kawasan sawah padi di Kuala Kurau dan Parit Buntar hingga menyebabkan padi yang sudah masak tidak dapat dituai menggunakan jentera mesin padi.

Pegawai Pertanian Daerah Kerian, Ridzuan Othman berkata, hasil banciaan yang dibuat pihaknya mendapati kawasan tanaman Kompartmen C iaitu Mukim Kuala Kurau paling banyak terjejas iaitu seluas 256 hektar dan diikuti Parit Buntar seluas 198 hektar.

“Ini menjadikan jumlah keseluruhan masalah tanah lembut seluas 595 hektar.

“Punca kejadian ini disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu pada musim ini hingga tiba musim menuai menyebabkan jentera mesin tuai tidak dapat menuai dalam petak sawah,” katanya.

Menurutnya, hasil perbincangan pihak berkaitan, beberapa langkah dikenal pasti bagi memulihkan semula keadaan tanah sawah yang mengalami masalah itu.

Beliau berkata, antara langkah drastik yang perlu dilakukan ialah penyelenggaraan sis-



KEADAAN jentuai yang terbenam di kawasan sawah disebabkan tanah lembut di Kuala Kurau, Parit Buntar. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

tem perparitan di dalam dan di luar lot tanaman perlu dilakukan segera supaya air dapat dikeringkan sepenuhnya apabila musim menuai.

“Selain itu, kita turut mencadangkan penggunaan jentera pembajak dan jentuai yang lebih kecil digunakan sesuai dengan keadaan tanah,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 25/7/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 23 |

Penggemar daging arnab semakin bertambah

Maran: Sambutan menggalakkan pelanggan terhadap daging arnab sebelum ini mendorong Afandi Wok Samah, 58 menternak haiwan berkenaan secara komersial di Kampung Bukit Lada, Chenor, dekat sini.

Bermula sebagai hobi dengan memiliki enam arnab, selepas 10 tahun beliau pernah mempunyai lebih 300 haiwan berkenaan jenis pedaging dan hiasan.

Afandi yang mendapat bantuan tiga agensi kerajaan untuk mengusahakan projek berkenaan berkata, sifat arnab yang cepat membiak dan tidak mudah dijangkiti penyakit menjadi kelebihan untuk terus berjaya mengusahakan projek berkenaan.

Katanya, sebelum ini permintaan daging arnab sentiasa bertambah menyebabkan dia tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan tempatan dan luar Pahang, namun selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan wabak COVID-19, pasaran daging arnab agak perlahan.

"Sebelum ini, saya mem-

punyai lebih 20 pelanggan tetap yang memerlukan bekalan daging segar dan masing-masing memerlukan antara 20 hingga 50 kilogram (kg) sebulan. Harga pasaran daging segar antara RM30 hingga RM36 sekilogram.

"Selepas PKP saya mampu menjual kira-kira 30kg sebulan, namun permintaan kini mula bertambah. Saya yakin peningkatan jualan akan berlaku secara berperingkat," katanya, di sini semalam.

Beliau mula serius mengusahakan projek ternakan arnab pedaging sejak 2013 selepas mengambil keputusan meninggalkan perniagaan warung cendul di sini.

Sokongan agensi kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang menambahkan semangatnya untuk menceburi projek berkenaan walaupun tanpa pengalaman sebelum ini.



Afandi rancang perluaskan projek ternakan arnab pedaging yang diusahakan sejak 2013.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 25/7/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |



Dulu sekadar hobi...

Bekas peniaga cendol kini miliki lebih 300 arnab pedaging, hiasan

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Maran

Sambutan menggalakan pelanggan terhadap daging arnab mendorong seorang lelaki yang pernah mengusahakan perniagaan cendol memternak haiwan berkenaan secara komersial di Kampung Bukit Lada, Chenor, dekat sini.

Bermula sebagai hobi dengan memiliki enam ekor arnab, Afandi Wok Samah, 58, pernah mempunyai lebih 300 haiwan berkenaan jenis pedaging dan hiasan sepanjang tempoh 10 tahun.

Afandi berkata, sifat arnab yang cepat membiak dan tidak mudah dijangkiti penyakit menjadi kelebihan untuk dia terus berjaya mengusahakan projek berkenaan dengan bantuan agensi kerajaan.

Menurutnya, sebelum ini permintaan daging arnab sentiasa bertambah sehingga dia tidak dapat memenuhi permintaan, namun pasaran kembali perlahan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu.

"Saya mempunyai lebih 20 pelanggan tetap sebelum ini yang memerlukan daging arnab antara 20 hingga 50 kilogram (kg) sebulan.

"Selepas PKP saya mampu menjual kira-kira 30kg sebulan sahaja, tetapi kini permintaan mula bertambah



AFANDI memberi arnab peliharaannya makan.

dan saya yakin peningkatan jualan," katanya.

Afandi berkata, dia kini mempunyai lebih 100 arnab pedaging induk yang ditempatkan di dua bangunan dan sedang berusaha menambatkan permintaan kerana permintaan mula meningkat.

Katanya, selain menjual daging segar, dia juga membekalkan baka atau anak arnab berusia dua bulan

pada harga antara RM50 hingga RM100 seekor.

"Selain permintaan daging arnab semakin bertambah, harga makanan haiwan berkenaan yang mula turun menambahkan lagi semangat saya untuk membesarkan lagi projek ini," katanya.

“Kini permintaan mula bertambah dan saya yakin peningkatan jualan Afandi”



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 25/7/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

MARDI berjaya hasilkan lebih 53 varieti padi

Serdang: MARDI sudah membangunkan lebih 53 varieti padi yang dimakan oleh rakyat dan digunakan oleh 95 peratus penanam padi di seluruh negara.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata proses membangunkan satu varieti padi memerlukan masa lebih kurang lapan hingga 10 tahun dengan kos tidak kurang daripada RM5 juta.

"Mungkin masih ramai yang belum mengenali dan mengetahui peranan sebenar agensi ini yang membangunkan lebih 53 varieti padi yang dimakan oleh rakyat di negara ini.

"Disebabkan kita tidak terbabit dalam pengurusan ladang, nama kita ini tertinggal dan tidak nampak apa yang MARDI sumbangkan kepada negara," katanya selepas *flag-off* kenderaan sempena penganjuran Showcase Teknologi 2023 (Show-tech 2023) bermula 25 Ogos ini di sini, semalam.

Nikmati teknologi, inovasi

Mohamad Zabawi berkata, lebih 300 teknologi dan inovasi akan dipamerkan dalam penganjuran Show-tech 2023, yang juga penganjuran kali kedua selepas kali pertama diadakan pada 19 tahun lalu.

Beliau berkata, penganjuran pameran seumpama itu bagi membolehkan masyarakat dan penggiat industri memahami teknologi dan inovasi yang sudah dibangunkan oleh MARDI sejak 50 tahun lalu.

"Pelbagai teknologi baharu dan belum dikomersialkan akan dipamerkan termasuk teknologi berkaitan makanan, tanaman dan ternakan.

"Dengan adanya program ini, orang boleh nampak apa yang sudah disumbangkan oleh MARDI kepada negara," katanya.

Dengan tema 'Peneraju Inovasi Agroteknologi', Mohamad Zabawi berkata, Show-tech 2023 selama tiga hari di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) itu akan memberi fokus kepada enam kluster utama iaitu tanaman, mekanisasi, teknologi makanan, ternakan, pemindahan teknologi dan Agrotourism.

"Show-tech 2023 ini akan diadakan di dua tempat iaitu di Dewan A yang merangkumi pameran teknologi yang dibangunkan oleh MARDI, manakala di Tapak Show Plot pula terdapat demonstrasi teknologi yang sudah dibangunkan," katanya.

25/7/2023

NASIONAL

20

SINAR
HARIAN

Show-Tech MARDI pamer lebih 300 teknologi, inovasi pertanian

SERDANG - Lebih 300 teknologi yang sedia dikomersial dan dipindahkan kepada pihak industri bakal dipamer pada Showcase Teknologi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Show-Tech MARDI 2023), pada Ogos ini.

Show-Tech MARDI 2023 akan berlangsung pada 25 hingga 27 Ogos depan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, bermula 10 pagi hingga 10 malam dan masuk adalah percuma.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, pameran tersebut bakal menjadi platform terbaik kepada masyarakat khususnya pemain industri untuk memahami teknologi dan inovasi pertanian yang dibangunkan agensi itu sejak 50 tahun lalu.

Bertemakan 'Peneraju inovasi Agroteknologi', Mohamad Zabawi menjelaskan, pameran berkenaan bertepatan dengan mandat MARDI dalam menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan teknologi dan inovasi pertanian untuk mengukuhkan



Mohamad Zabawi (tengah) bersama wakil rakan-rakan strategik yang bakal menjayakan Show-Tech MARDI 2023 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, pada 25 hingga 27 Ogos ini.

agenda keterjaminan makanan negara.

"Pada masa sama, masyarakat dan pemain industri boleh bertemu dengan penyelidik MARDI bagi memberi input serta maklum balas penambahbaikan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan teknologi yang dibangunkan.

"Pameran ini akan memberi fokus kepada enam kluster utama bidang penyelidikan iaitu tanaman, ternakan, makanan, pemindahan teknologi, agrotourism dan mekanisasi," kata Mohamad Zabawi dalam sidang media selepas taklimat Show-Tech MARDI 2023 pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohamad Zabawi memaklumkan, kali ter-

akhir pameran sedemikian dianjurkan adalah pada tahun 2004 dan selepas 19 tahun, ia akan melibatkan pelbagai teknologi dan inovasi pertanian mengikut peredaran zaman.

Selain pameran dalam Dewan, beliau berkata, pengunjungan turut berpeluang melihat secara lebih dekat plot tanaman sayuran, bijirin dan buah-buahan

“

Pameran ini akan memberi fokus kepada enam kluster utama bidang penyelidikan iaitu tanaman, ternakan, makanan, pemindahan teknologi, agrotourism dan mekanisasi.”

- Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani

menggunakan teknologi tinggi. “Lebih menarik, pengunjungan juga boleh melawat kilang tanaman, laman sayuran serta melihat sistem tanaman ber-tingkat.

“Saya berharap masyarakat akan lebih terdedah kepada apa yang disumbangkan oleh MARDI bagi menjayakan sektor pertanian negara, bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam memastikan bekalan dan sumber makanan dapat diakses.” ujarnya.

Agriculture can help fight poverty, say Kedah farmers

ALOR SETAR: Farmers in Kedah have expressed confidence in the government's efforts and commitment to eradicating hardcore poverty in the country.

The farmers view agriculture as a sector that enables them to increase their income and rise out of poverty – with government support and assistance.

Khairul Anuar Hanafi, 36, a maize farmer in Kampung Kepala Bukit near Jitra since 2017, said government assistance is critical in helping farmers improve their standard of living.

"I started this corn plantation on about two relong of land. With the government's help, I now

have a little over six relong of corn farm," he told Bernama.

A relong is a unit of land measurement used in Kedah. It is equal to 0.41ha, roughly the size of a football field.

In April, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said he was determined to eradicate hardcore poverty still plaguing certain groups of people in the country.

Khairul Anuar said he has about 45,000 corn plants now and can save money, in contrast to when he was a mechanic, and he also plans to increase his income by diversifying into planting brinjil in other locations.

He said he has received aid in

fertilisers, pesticides and pipes for irrigation infrastructure from the Agriculture Department and is now waiting for the water pump motors and pipes that he applied for from the Muda Agricultural Development Authority (Mada).

Meanwhile, a padi farmer of 12 years from Kampung Teluk Tawar near Yan, Mohamad Hafidz Ismail, 39, said his life had improved significantly with about an 80% rise in income after going into agriculture full-time.

"I only worked for wages on other people's padi fields. Then I became interested in having my own padi field, and I started with

two relong of land at first," said Mohamad Hafidz, who now cultivates 41 relong of padi fields.

He attributed his success to the government's support and guidance on the efficient and effective management of padi fields, particularly Mada, which provided subsidised fertiliser and pesticides.

"I welcome the current government's efforts, and if we get into agriculture 100%, I believe we can climb out of poverty," he said.

He also welcomed the government's initiative to cultivate five seasons of padi within two years as it would increase the income of small-scale farmers.

"I started right at the bottom, I know how hard it is to be a farmer. That is why new farmers need the government's help," he said.

Mada general manager Kamarudin Dahuli said the agency is serious in its commitment to helping improve the standard of living of the hardcore poor and poor under its jurisdiction, in line with the Prime Minister's aspirations.

Kamarudin said Mada will also highlight the success of farmers categorised as padi entrepreneurs in Kedah, such as Mohammad Hafidz, to act as mentors to the poor and to inspire others to follow suit.



Mohammad Hafidz using a drone to disperse fertiliser and pesticide. - BERNAMAPIC

Farmers express belief in efforts to **quash poverty**

➤ Many view agriculture sector as path to increase family income, with support and assistance from govt

ALOR SETAR: Farmers in Kedah have expressed confidence in the efforts of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's unity government, primarily for its commitment to eradicating hardcore poverty in the country.

The farmers view agriculture as a sector that enables them to increase family income and rise out of poverty, with the support and assistance from the government, Bernama reported.

Khairul Anuar Hanafi, 36, a maize farmer in Kampung Kepala Bukit near Jitra, said government assistance is critical in helping farmers improve their standard of living.

"I started this corn plantation on approximately two *relong* of land. With help from the government, I now have a little over six *relong* of corn farm," he said.

In April, the media reported that Anwar was determined to eradicate hardcore poverty, which is still plaguing certain groups of people in the country.

Khairul Anuar said he now has about

45,000 corn plants and could save money, in contrast to when he was a mechanic.

He also plans to increase his income by diversifying into planting brinjals at other locations.

He said he received aid in the form of fertilisers, pesticides and pipes for irrigation infrastructure from the Agriculture Department and is now waiting for water pump motors and pipes, which he applied for from the Muda Agricultural Development Authority (Mada).

Meanwhile, Mohammad Hafidz Ismail, 39, a padi farmer from Kampung Teluk Tawar near Yan, said his standard of living has improved significantly, with up to an 80% increase in income after going into agriculture full-time.

"I used to only work for wages on other people's padi fields. Then, I became interested in having a padi field and I started with two *relong* of land at first," he said, adding that he now cultivates 41 *relong* of padi fields.

He attributed his success to the support and guidance from Mada on the efficient management of padi fields with subsidised fertiliser and pesticides.

"I welcome the government's efforts to eradicate hardcore poverty in our country and if we get into agriculture 100%, I believe we can climb out of poverty," he said.

He also welcomed the government's initiative to cultivate five seasons of padi within two years as it would increase the income of small scale padi farmers.

"I started right at the bottom, I know how hard it is to be a farmer. That is why new farmers need the government's help."

Mada general manager Kamarudin Dahuli said it is serious in its commitment to help improve the standard of living of the poor in its area of administration, in line with the prime minister's aspirations.

"We have a list of poor individuals. Based on the names identified, we have plans to conduct various programmes such as those under the Economy Ministry, to benefit these target groups," he said.

Kamarudin added that Mada will also highlight the success of farmers categorised as padi entrepreneurs in Kedah such as Mohammad Hafidz, to act as mentors to the poor and to inspire others to follow suit.

25/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

38

Pelajar autisme tanam cendawan tiram kelabu

KUANTAN: Seramai 11 pelajar autisme di Pusat Pembelajaran Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (Nasom) Kuantan di Teluk Sisek di sini gigih menceburi bidang penghasilan cendawan tiram kelabu.

Kekurangan dialami pelajar terbabit tidak menjadi penghalang buat mereka menyertai program latihan vokasional itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penyelaras Nasom Kuantan, Liney Diana Ramlil berkata, projek itu dimulakan sejak 2020 bagi mendedahkan pelajar dengan gerakan motorik kasar hasil sumbangan modal daripada sebuah syarikat termasuk guru di pusat pembelajaran terbabit.

"Kini, terdapat lebih 4,000 bongkah tanaman dan dua rumah penyimpanan dibina di kawasan pusat pembelajaran.

"Kita tuai empat kali dalam satu musim dan untuk sekali tuai, kita mampu meraih hasil antara 30 hingga 40 kilogram. Alhamdulillah, ramai pihak menyokong hasil tani anak-anak autisme dan perolehan (jualan), kita agihkan kepada mereka sebagai upah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Liney berkata, cendawan tiram kelabu yang dihasilkan itu perlu segera digredkan dan dibungkus serta diedarkan kepada pelanggan bagi memasti-



PELAJAR autisme selesai menuai cendawan tiram kelabu untuk dibungkus sebelum dipasarkan di kawasan sekitar. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD WAHAB

kan kualiti rasa termasuk warganya dapat dikekalkan.

Menurutnya, bagi memastikan kualiti terjamin, pelajar juga didedahkan keadah membungkus dan menimbang cendawan tiram kelabu yang sudah dituai mereka.

"Kerja-kerja terbabit dilakukan dengan bantuan guru di pusat pembelajaran ini. Jadi, di sini kita melatih mereka berdiskari dan bekerja secara bersama-sama.

"Kalau kita dapat lihat rata-rata pelajar seronok melakukan tugas diberikan, mereka kelihatan selesa sepanjang terbabit dengan aktiviti ini," katanya.

Sementara itu katanya, latihan vokasional di pusat pembelajaran Nasom turut melibatkan aktiviti latihan seperti menjahit, berkebun hidroponik, batik, memasak dan bakeri.

Jelasnya, pihaknya sudah menyediakan kebun dalam taman serba lengkap sebagai platform melatih lebih 30 golongan autisme di daerah ini mengenai kemahiran hidup.

"Dengan itu, kita mengambilibil inisiatif untuk membantu golongan terbabit mendalami asas pertanian sama ada menggunakan kaedah tanaman hidroponik atau aquaponik," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 25/7/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |



MASAM MANIS ISI BELUNU



PENDUDUK tempatan, Maiddi Latip, 52, ditemani anaknya Amar Raiff Maiddi, 5, mencari dan mengutip buah Belunu yang baharu gugur di kebunnya ketika ditemui di Kampung Kilan, Labuan. Buah Belunu atau nama saintifiknya *Mangifera Caesia* adalah salah satu buah eksotik yang hanya ditemui ketika tiba musim buah dan biasanya berbuah serentak dengan pokok buah Rambangan serta buah eksotik lain. Buahnya berisut putih susu, rasanya masam manis dan biasanya dimakan begitu sahaja. Belunu juga dikenali sebagai binjai di Semenanjung, tetapi bezanya rasa buah berkenaan di sini lebih manis dan mempunyai pelbagai jenis seperti bujur dan bulat dengan warna kehijauan atau coklat. Pokok Belunu merupakan pokok saka berbatang lurus dan boleh mencapai ketinggian sehingga lebih 30 meter tinggi, berkanopi berbentuk bulat serta kebanyakannya di pantai barat, pedalaman Sabah dan Labuan.



Tang (right) with the PWD Smart FarmAbility satellite farm, which ensures that communities in need can enjoy fresh, organic and nutritious protein and vegetables for the long term.
— Filepic

Pages of inspiration

Founder of social enterprise PWD Smart FarmAbility Dr Billy Tang's new book highlights the importance of food literacy and how food choices impact the planet and our health.



By WONG LI ZA
lifestyle@thestar.com.my

ITS projects have helped thousands of low-income families and welfare homes supplement their income and nutritional needs with organic vegetables and fish.

And, for its work and efforts, social enterprise PWD Smart FarmAbility has also won numerous local and international awards.

Founded by agriculturist and paraplegic Dr Billy Tang Chee Seng, the enterprise was set up to empower underprivileged communities through regenerative agriculture principles by making nutritious food and food-growing skills accessible to them.

These are namely through its regenerative vegetable terrarium project and the organic tilapia fish and nutrient-dense vegetables aquaponics satellite farms.

Recently, Tang released a book entitled *The PWD Smart FarmAbility: Journey From Wheels To Farm*, described as "an illustrative guide that presents practical and innovative sustainable agricultural practices to combat climate change, improve food security and promote healthy and more sustainable food choices for all".

The book introduces three innovative projects – Agri-Innovation: Organic Regenerative Vegetable Terrarium, Ethically Farmed Fish, and Soil-U-tion Satellite Farms System. It showcases the HOPE Boxes and Satellite Farms, which provide fresh, nutrient-dense vegetables and farmed fish to underserved communities without requiring prior agricultural knowledge.

The book also highlights the importance of food literacy and how our food choices impact the planet and our health.

Tang emphasises that agriculture is no longer about farming but feeding for health and highlights the connection between

healthy soil, healthy food and a healthy body.

The recipient of the Global Leadership Award 2022 for Leadership Excellence in Green Initiatives and Community Service said the book is a wholesome way of spreading his message of hope.

"Being physically limited does not mean being limited in life. *The PWD Smart FarmAbility: Journey From Wheels To Farm* is an expression of gratitude towards all the people who have assisted and supported me during the most difficult periods of my life. It aims to inspire both disabled and able-bodied individuals that we can make a difference despite our conditions and circumstances in life.

"The book will walk you through a journey rooted in hope, self-determination and a strong will to survive," said Tang, 57, who was also awarded The Regal British Award 2022 in conjunction with Her Majesty Queen Elizabeth II's Platinum Jubilee Celebrations in London by the World Humanitarian Drive.

Tang further shared his journey and challenges since setting up the social enterprise.

"The most challenging part is making it sustainable. Within the pages of this book you will find valuable insights and knowledge to enable us to make things happen. Hard work, perseverance, trust and a kind heart make everything possible.

"This book showcases what we have achieved as a social enterprise and the challenges that lie ahead as we move forward. It gives us hope to end hunger and feed the people experiencing poverty for a secure and stable future," said Tang.

"We adhere to the 5P Sustainability framework, which is Product, Process, People, Planet and Prosperity. Sustainability is survival. As you read through the pages of this book, I hope that you will be inspired to join me

and PWD Smart FarmAbility in our mission to help build an inclusive society that supports people from diverse communities and stations in life.

"Together, we can help the underprivileged community get out of the rut regarding their nutritional well-being, which will go a long way in uplifting and sustaining their lives, and creating a positive difference in the world," said Tang, who also received the National Scroll of Honour Award for Human Settlements in conjunction with UN World Habitat Day in 2022.

In future, PWD Smart FarmAbility hopes to make an even bigger impact through its work.

"We aim to expand our reach and impact by establishing partnerships with local organisations, governments and international stakeholders. By collaborating with like-minded individuals and institutions, we hope to create a more significant and lasting change for communities.

"We will continue to enhance innovative farming techniques and sustainable agricultural practices. In addition to our focus on agriculture, we hope to empower underserved communities by providing them with micro-credentials, vocational training, and entrepreneurship opportunities.

"Equipped with the necessary skills and knowledge, these communities can sustain themselves economically and lead healthier lives," he said.

Tang ended the interview with this quote by Margaret Mead: "Never doubt that a small group of thoughtful, concerned citizens can change the world. Indeed it is the only thing that ever has."

The PWD Smart FarmAbility: Journey From Wheels To Farm is priced at RM200 per copy. For details, visit facebook.com/pwdsmartfarmability or pwdsmartfarmability.com.